



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>PRINSIP PENGURUSAN</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>DPP 1043</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>APRIL 2016</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>2 JAM 30 MINIT</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** bahagian:
  - BAHAGIAN A (20 Markah)
  - BAHAGIAN B (20 Markah)
  - BAHAGIAN C (30 Markah)
  - BAHAGIAN D (30 Markah)
2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A, BAHAGIAN B dan BAHAGIAN C. Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja dari BAHAGIAN D.
  - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Buku Jawapan Betul/Salah
  - ii. Jawab BAHAGIAN B di dalam Borang Jawapan Objektif
  - iii. Jawab BAHAGIAN C dan BAHAGIAN D di dalam Buku Jawapan
 Mula menjawab setiap jawapan di muka sura baru
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Borang Jawapan Objektif
  - iii. Borang Jawapan Betul/Salah
  - iv. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 12 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



**BAHAGIAN A**

**Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan. Jawab SEMUA soalan dalam Borang Jawapan Betul/Salah.**

1. Objektif merupakan sasaran yang dicapai oleh sesuatu unit kerja, bahagian atau sebuah organisasi.
2. Pengurus sebagai pemimpin perlu mengadakan hubungan dengan pihak luar untuk mendapatkan maklumat berkenaan perkembangan organisasi.
3. Pengurus peringkat pertama terdiri daripada semua kakitangan bukan pengurusan.
4. Perancangan perlu fleksibel dan tidak seharusnya ketat.
5. Wawasan merupakan tujuan perniagaan dan akan menentukan jenis atau bentuk perniagaan bagi sesebuah organisasi.
6. Perancangan operasi merupakan perancangan yang lebih sempit dan khusus untuk satu-satu unit kerja atau individu.
7. Contoh keputusan tidak berprogram ialah penyakit baru menular ke dalam negara seperti virus Zika.
8. Keadaan ketidakpastian memerlukan pengurus menggunakan pengalaman, pertimbangan dan logik untuk memperuntukan kebarangkalian kepada alternatif yang ada.
9. Penyeragaman aktiviti diseragamkan melalui mekanisme pengurusan yang digunakan untuk mengintegrasikan fungsi pelbagai jabatan di dalam organisasi.
10. Penyeragaman ialah proses pengumpulan dan penyatuan kerja-kerja yang sama atau berkaitan di dalam satu unit atau jabatan yang sama.

11. Motivasi menggambarkan pandangan dan sikap yang unik yang ada pada seseorang.
12. Motivasi yang wujud pada seseorang itu tidak mempengaruhi setiap tindak tanduk dan sikap seseorang dalam melakasankan tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya.
13. Kepimpinan ialah proses perngarahan tingkah laku orang lain ke arah penyempurnaan sesuatu objektif.
14. Kepimpinan melibatkan gaya pemimpin dan suasana yang diwujudkan oleh kepimpinannya.
15. Objektif utama kawalan adalah untuk memastikan tindakan yang dibuat berjalan mengikut yang dirancangkan.
16. Kawalan berfungsi untuk mengukur dan memperbaiki kesilapan yang berlaku.
17. Komunikasi tidak memerlukan objektif sama ada komunikasi berbentuk formal atau tidak formal.
18. Komunikasi melibatkan pertukaran di mana ia memerlukan lebih daripada dua orang.
19. Seorang pengurus berpangkat tinggi mempunyai hak untuk menggunakan kenderaan syarikat bagi tujuan bercuti.
20. Sebagai khalifah, pengurus perlu menegakan kebenaran dan mencegah kemungkaran supaya pekerja, organisasi dan dirinya tidak memperolehi *falah*.

(20 markah)

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan. Jawab SEMUA soalan dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Pengurus menghadiri majlis-majlis perasmian, menghadiri mesyuarat, melayan tetamu dan majlis perkahwinan pekerja-pekerja.

Apakah fungsi pengurus berdasarkan pernyataan di atas?

- A. pengurus sebagai ketua atau orang terpenting
- B. pengurus sebagai pemimpin
- C. pengurus sebagai pegawai perhubungan
- D. pengurus sebagai jurucakap.

2. Manakah antara berikut **BUKAN** peranan pengurus sebagai penyebar maklumat?

- A. sebagai pengawas
- B. sebagai penyebar atau penyampai
- C. sebagai pegawai perhubungan
- D. sebagai jurucakap

- 3.
- Pencapaian matlamat
  - Penyelarasan
  - Memahami keadaan persekitaran

Apakah yang cuba disampaikan melalui maklumat di atas?

- A. kepentingan perancangan
- B. prinsip perancangan
- C. konsep perancangan
- D. elemen perancangan

4. Apakah yang dimaksudkan dengan ‘komitment pihak tertentu untuk mencapai sesuatu keputusan atau hasil yang boleh dicapai dalam jangka masa tertentu’?
- A. tujuan penubuhan
  - B. wawasan yang dihajati
  - C. kenyataan misi
  - D. perletakan objektif
5. Apakah kesan-kesan apabila pengurus membuat keputusan dalam keadaan berisiko?
- i. Pengurus tidak mengetahui fakta dan maklumat
  - ii. Pengurus menggunakan pengalaman
  - iii. Pengurus membuat keputusan di bawah keadaan risiko
  - iv. Pengurus menjangka kebarangkalian kejayaan sesuatu strategi
- A. i dan ii
  - B. i dan iii
  - C. ii dan iii
  - D. iii dan iv
6. Apakah yang akan berlaku jika pengurus membuat keputusan dalam keadaan kepastian?
- i. Pengurus mempunyai maklumat yang cukup
  - ii. Pengurus mengetahui dengan tepat hasil yang akan diperoleh
  - iii. Pengurus tidak mengetahui alternatif dengan sepenuhnya
  - iv. Pengurus menggunakan pertimbangan dan logik
- A. i dan ii
  - B. i dan iii
  - C. ii dan iii
  - D. iii dan iv

7. Kenalpasti manakah antara berikut berkaitan tentang keputusan berprogram?
- Masalah yang tidak pernah atau jarang berlaku
  - Keputusan dibuat berdasarkan tabiat, peraturan atau prosedur organisasi
  - Masalah yang berlaku bersifat rutin dan kerap kali digunakan
  - Masalah yang berlaku bersifat unik dan rumit
- A. i dan ii  
B. i dan iii  
C. ii dan iii  
D. iii dan iv
- 8.
- Pengkhususan tugas
  - Penyeragaman aktiviti
  - Penyelarasian aktiviti
  - Pemusatan dan desentralisasi dalam membuat keputusan
- Kenyataan manakah **BENAR** tentang maklumat di atas?
- Pembentukan struktur organisasi
  - Unsur struktur organisasi
  - Konsep asas struktur organisasi
  - Reka bentuk struktur organisasi
9. Apakah konsep yang bersesuai dengan pernyataan ‘Penjabatanan ini banyak digunakan oleh organisasi kerana mudah, jelas dan logik’?
- fungsi
  - barang
  - pelanggan
  - kawasan

10. Pilih kenyataan yang **BENAR** tentang penjabatanan mengikut kawasan.
- A. Dikenali sebagai pengurusan projek
  - B. Pengurus menggunakan sistem perintah berbilang
  - C. Pengurus projek mempunyai kuasa penuh terhadap pengurus fungsi
  - D. Organisasi yang mempunyai banyak cawangan yang jauh dari ibu pejabat

11.

Teori ini merumuskan bahawa kepuasan dan ketidakpuasan berpunca dari dua faktor penyebab

Siapakah yang mengasaskan teori di atas?

- A. Robert Sternberg
- B. Frederick Herzberg
- C. David McClelland
- D. William Glasser

12.

*"Teori ini menerangkan bahawa setiap individu akan bertindak berdasarkan kepada jangkaan tindakan tersebut"*

Kenalpasti siapakah yang mengasaskan teori di atas?

- A. Abraham Maslow
- B. Sigmund Freud
- C. Benjamin Bloom
- D. Victor Vroom

13. Nyatakan jenis pengurus sekiranya pengurus memberi perhatian yang menyeluruh ke atas keperluan memenuhi kepuasan perhubungan pekerja yang membawa kepada persekitaran yang selesa.

- A. Pengurus miskin
- B. Pengurus kelab rekreasi
- C. Pengurus jalan tengah
- D. Pengurus tugas

14. Apakah fungsi pengurus tugas?

- A. Kerja disiapkan oleh pekerja yang komited melalui perhubungan saling mempercayai dan rasas hormat
- B. Menyumbangkan usaha yang minimum dan menyiapkan kerja untuk menyara organisasi
- C. Sumber-sumber di dalam organisasi seimbang untuk menyiapkan kerja dengan mengekalkan motivasi pekerja
- D. Mencapai kecekapan di dalam kerja akibat daripada susunan pekerja dan gangguan interaksi adalah pada tahap minimum

15.

- Kecekapan
- Kualiti / mutu
- Maklum balas

Kenyataan manakah BENAR tentang maklumat di atas?

- A. Kawalan sebelum tindakan
- B. Kawalan selepas tindakan
- C. Kawalan output
- D. Kawalan tingkah laku

16. Pilih kenyataan yang **TIDAK BENAR** bagi jenis kawalan di dalam pengurusan.
- A. Kawalan sebelum tindakan merupakan kawalan yang paling diidamkan.
  - B. Kawalan sebelum tindakan memerlukan maklumat yang tepat dan mudah diperolehi.
  - C. Kawalan serentak yang paling popular adalah penyeliaan secara langsung.
  - D. Kawalan selepas tindakan dilaksanakan selepas kejadian.
17. Apakah jenis komunikasi yang berkaitan apabila pengurus menghantar maklumat kepada orang bawahannya seperti undang-undang syarikat.
- A. Komunikasi ke bawah
  - B. Komunikasi ke atas
  - C. Komunikasi melintang
  - D. Komunikasi tidak formal
18. Kenalpasti apakah proses komunikasi yang melibatkan pengirim menterjemahkan maklumat yang terdapat dalam mindanya ke dalam bentuk simbol?
- A. Pengekodan
  - B. pengdekodan
  - C. Saluran
  - D. Mesej
19. Manakah antara berikut **BUKAN** prinsip pengurusan Islam.?
- A. Amanah
  - B. Fatanah
  - C. Syura
  - D. Keadilan
20. Manakah antara berikut **BUKAN** peranan pengurus Islam?
- A. Pengurus sebagai hamba Allah
  - B. Pengurus sebagai khalifah Allah
  - C. Pengurus sebagai pentadbir alam
  - D. Pengurus sebagai saudara sesama Islam

(20 markah)

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi LIMA (5) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Huraikan **TIGA (3)** jenis kemahiran asas di dalam pengurusan.

(6 markah)

**SOALAN 2**

Huraikan **TIGA (3)** jenis perancangan sedia ada/kekal.

(6 markah)

**SOALAN 3**

a. Berikan definisi pengorganisasian.

(2 markah)

b. Terangkan **DUA (2)** aspek penting di dalam pembentukan struktur organisasi.

(4 markah)

**SOALAN 4**

Dengan menggunakan gambar rajah, lakarkan **ENAM (6)** langkah dalam proses asas motivasi mengikut urutan yang betul.

(6 markah)

**SOALAN 5**

Huraikan **TIGA (3)** ciri-ciri amanah di dalam pengurusan Islam.

(6 markah)

**BAHAGIAN D**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan. Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Pengurus merupakan individu yang membuat keputusan di dalam organisasi.

- a. Berikan definisi membuat keputusan.  
(2 markah)
- b. Secara ringkas, lakarkan **LAPAN (8)** langkah di dalam proses membuat keputusan.  
(8 markah)

**SOALAN 2**

Teori motivasi dikaji secara aktifnya pada tahun 1950an. Bincangkan **LIMA (5)** jenis keperluan yang terdapat dalam Teori Awal Hierarki Keperluan.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Kawalan merupakan fungsi terakhir di dalam pengurusan. Untuk menjayakan fungsi pengawalan, pengurus perlu mengikuti proses-proses yang ditetapkan

- a. Berikan definisi kawalan.  
(2 markah)
- b. Bincangkan **EMPAT (4)** langkah yang terdapat di dalam proses kawalan.  
(8 markah)

**SOALAN 4**

Komunikasi di dalam organisasi biasanya melibatkan komunikasi antara pengurus dengan orang bawahannya dan komunikasi di antara rakan sekerja.

- a. Berikan definisi komunikasi secara tidak formal

(2 markah)

- b. Huraikan **EMPAT (4)** bentuk komunikasi tidak formal.

(8 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

